



24 Jun 2014  
24 June 2014  
P.U. (B) 315

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

**NOTIS PEMULAAAN KAJIAN SEMULA PENTADBIRAN  
DUTI ANTI-LAMBAKAN MENGENAI IMPORT ROD DAWAI  
KELULI YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI  
JIANGSU SHAGANG INTERNATIONAL TRADE CO., LTD  
DAN JIANGSU YONGGANG GROUP CO., LTD,  
REPUBLIC RAKYAT CHINA**

***NOTICE OF INITIATION OF ADMINISTRATIVE REVIEW OF  
THE ANTI-DUMPING DUTY WITH REGARD TO IMPORTS  
OF STEEL WIRE RODS ORIGINATING IN OR EXPORTED  
FROM JIANGSU SHAGANG INTERNATIONAL TRADE CO.,  
LTD AND JIANGSU YONGGANG GROUP CO., LTD,  
THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA***



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993

NOTIS PEMULAAN KAJIAN SEMULA PENTADBIRAN DUTI ANTI-LAMBAKAN MENGENAI  
IMPORT ROD DAWAI KELULI YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI JIANGSU  
SHAGANG INTERNATIONAL TRADE CO., LTD DAN JIANGSU YONGGANG GROUP CO.,  
LTD, REPUBLIK RAKYAT CHINA

(AR 01/14)

BERIKUTAN penyiaran Notis Penentuan Muktamad Afirmatif Penyiasatan Duti Anti-Lambakan mengenai Import Rod Dawai Keluli dengan kandungan karbon kurang daripada 0.6% yang dikelaskan di bawah Nombor Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) 7213.10.000, 7213.20.000, 7213.91.000 dan 7213.99.000 (“dagangan subjek”) yang berasal atau diekспорт dari Republik Rakyat China pada 19 Februari 2013 [*P.U. (B) 54/2013*], Kerajaan Malaysia telah menerima suatu permintaan untuk kajian semula pentadbiran ke atas Jiangsu Shagang International Trade Co., Ltd dan Jiangsu Yonggang Group Co., Ltd, Republik Rakyat China menurut perenggan 28(1)(a) Akta Duti Timbal Balas dan Anti Lambakan 1993 [*Akta 504*] dan peraturan 34 Peraturan-Peraturan Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1994 [*P.U. (A) 233/1994*].

**Permintaan untuk Kajian Semula**

1. Permintaan itu telah dibuat oleh—

Amsteel Mills Sdn. Bhd.  
Wisma Lion, Lot 2319  
Kawasan Perindustrian Olak Lempit  
Mukim Tanjung Dua Belas  
42700 Banting  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA,

pengeluar dalam negeri rod dawai keluli bagi pihak industri Malaysia.

### **Keluaran**

2. Dagangan subjek yang dikatakan sedang dilambakkan ialah rod dawai keluli yang dikelaskan di bawah Nombor Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) 7213.10.000, 7213.20.000, 7213.91.000 dan 7213.99.000 (“dagangan subjek”). Nombor Kod H.S. ini diberi hanya untuk makluman tetapi tidak mempunyai kesan mengikat terhadap pengelasan dagangan subjek itu.

### **Duti Anti-Lambakan sedia ada**

3. Duti yang berkuat kuasa pada masa ini ke atas dagangan subjek ialah duti anti-lambakan definitif yang dikenakan oleh Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 2013 [*P.U. (A) 53/2013*].

### **Alasan untuk Kajian Semula**

4. (1) Permintaan adalah berdasarkan alasan bahawa margin lambakan telah berubah secara substantial bagi import rod dawai keluli.

(2) Pemohon mengemukakan bahawa sekiranya kajian semula pentadbiran tidak dilakukan ke atas duti anti-lambakan yang sedia ada, paras pengimportan semasa dagangan subjek mungkin akan meningkat.

(3) Kerajaan berpuas hati bahawa permintaan itu mengandungi alasan yang mencukupi bagi memulakan suatu kajian semula.

### **Tatacara**

5. Setelah menentukan bahawa keterangan yang mencukupi wujud untuk mewajarkan suatu kajian semula pentadbiran duti anti-lambakan mengenai import rod dawai keluli yang berasal atau dieksport dari Jiangsu Shagang International Trade Co., Ltd dan Jiangsu Yonggang Group Co., Ltd, Republik Rakyat China, Kerajaan memulakan kajian semula pentadbiran menurut perenggan 28(1)(a) Akta.

### **Senarai soalan**

6. (1) Bagi mendapatkan maklumat yang disifatkan perlu bagi kajian semulanya, Kerajaan akan menghantar senarai soalan kepada industri Malaysia dan mana-mana persatuan pengeluar di Malaysia, kepada Jiangsu Shagang International Trade Co., Ltd dan Jiangsu Yonggang Group Co., Ltd, Republik Rakyat China, kepada pengimport, kepada mana-mana persatuan pengimport yang dinamakan dalam Permohonan, dan kepada Kerajaan Republik Rakyat China.

(2) Dalam apa-apa keadaan, semua pihak berkepentingan yang tidak dihubungi oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) adalah diminta untuk menghubungi MITI melalui faksimile atau e-mel bagi mengetahui sama ada mereka disenaraikan dalam petisyen. Jika perlu, pihak berkepentingan itu boleh memohon satu salinan senarai soalan dengan mengenal pasti sifat aktiviti perniagaan mereka yang berkaitan dengan kajian semula ini.

### **Pengumpulan maklumat**

7. Semua pihak berkepentingan diminta memberikan pandangan mereka secara bertulis, khususnya dengan menjawab senarai soalan yang dialamatkan kepada mereka dan dengan mengemukakan keterangan menyokong.

### **Had masa**

8. (1) Semua pihak berkepentingan yang memohon senarai soalan, hendaklah berbuat demikian, tidak lewat daripada 15 hari selepas penyiaran notis ini dalam *Warta*.

(2) Semua pihak berkepentingan mestilah mengemukakan pandangan mereka secara bertulis dan mengemukakan jawapan senarai soalan dalam masa 30 hari dari tarikh penyiaran notis ini jika pandangan dan pengemukakan itu hendak diambil kira semasa kajian semula, kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

### **Pengemukakan bertulis, jawapan senarai soalan dan surat-menyurat**

9. Semua pengemukakan dan permohonan mesti dibuat secara bertulis dan mesti dinyatakan nama, alamat, alamat e-mel, nombor telefon dan nombor faksimile pihak berkepentingan itu kepada—

Pengarah  
Seksyen Amalan Perdagangan  
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)  
Tingkat 14, Blok 8, Kompleks Pejabat Kerajaan  
Jalan Duta  
50622 Kuala Lumpur  
MALAYSIA

Nombor Telefon: (603) 6200 0453/124

Nombor Faksimile: (603) 6201 6394

E-mel: alltps@miti.gov.my

Sekiranya pihak berkepentingan tidak memberikan maklumat yang diperlukan atau maklumat dan pandangan itu tidak diterima dalam bentuk yang mencukupi dalam had masa yang ditetapkan, Kerajaan boleh membuat penentuan awal atau muktamadnya berdasarkan fakta yang ada mengikut seksyen 41 Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993.

Bertarikh 20 Jun 2014

[MITI:ID/(S)/AP/AD/045/27-AR;PN(PU2)529/XV]

DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
*Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*

COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993

NOTICE OF INITIATION OF ADMINISTRATIVE REVIEW OF THE ANTI-DUMPING DUTY  
WITH REGARD TO IMPORTS OF STEEL WIRE RODS ORIGINATING IN OR EXPORTED  
FROM JIANGSU SHAGANG INTERNATIONAL TRADE CO., LTD AND JIANGSU YONGGANG  
GROUP CO., LTD, THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA

(AR 01/14)

FOLLOWING the publication of a Notice of Affirmative Final Determination of an Anti-Dumping Duty Investigation with regard to the Imports of Steel Wire Rods with carbon content of less than 0.6% classified under the Harmonised System Code (H.S. Code) Number 7213.10.000, 7213.20.000, 7213.91.000 and 7213.99.000 ("subject merchandise") originating in or exported from the People's Republic of China on 19 February 2013 [P.U. (B) 54/2013], the Government of Malaysia has received a request for administrative review on Jiangsu Shagang International Trade Co., Ltd and Jiangsu Yonggang Group Co., Ltd, the People's Republic of China pursuant to paragraph 28(1)(a) of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [Act 504] and regulation 34 of the Countervailing and Anti-Dumping Regulations 1994 [P.U. (A) 233/1994].

**Request for Review**

1. The request was lodged by—

Amsteel Mills Sdn. Bhd.  
Wisma Lion, Lot 2319  
Kawasan Perindustrian Olak Lempit  
Mukim Tanjung Dua Belas  
42700 Banting  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA,

the domestic producer of steel wire rods on behalf of the Malaysian industry.

### **Product**

2. The subject merchandise allegedly being dumped are steel wire rods classified under Harmonised System Code (H.S. Code) Number 7213.10.000, 7213.20.000, 7213.91.000 and 7213.99.000 (“subject merchandise”). This H.S. Code Number is given only for information but have no binding effect on the classification of the subject merchandise.

### **Existing Anti-Dumping Duties**

3. The duties currently in force on the subject merchandise are definitive anti-dumping duties imposed by Customs (Anti-Dumping Duties) Order 2013 [*P.U. (A) 53/2013*].

### **Grounds for the Review**

4. (1) The request is based on the grounds that there is a substantial change in the dumping margin for steel wire rods.

(2) The applicant presented that should no administrative review be taken to the current anti-dumping duties, the current import level of the subject merchandise is likely to increase.

(3) The Government is satisfied that the request carries sufficient grounds to initiate a review.

### **Procedure**

5. Having determined that there is sufficient evidence exists to warrant an administrative review of the anti-dumping duties with regard to import of steel wire rods originating in or exported from Jiangsu Shagang International Trade Co., Ltd and Jiangsu Yonggang Group Co., Ltd, the People’s Republic of China, the Government initiates an administrative review pursuant to paragraph 28(1)(a) of the Act.

### **Questionnaires**

6. (1) In order to obtain information deemed necessary for its review, the Government will send questionnaires to the Malaysian industry and to any association of producers in Malaysia, to Jianguo Shagang International Trade Co., Ltd and Jianguo Yonggang Group Co., Ltd, the People's Republic of China, to the importers, to any association of importers named in the Request, and to the Government of the People's Republic of China.

(2) In any event, all interested parties not contacted by the Ministry of International Trade and Industry (MITI) are invited to contact MITI by facsimile or e-mail in order to find out whether they are listed in the petition. If necessary, such interested parties may request for a copy of the questionnaires by identifying the nature of their business activities concerned to this review.

### **Collection of information**

7. All interested parties are invited to make their views known in writing, in particular by replying to the questionnaires addressed to them and by providing supporting evidence.

### **Time limit**

8. (1) All interested parties requesting for a questionnaire, shall do so, not later than 15 days after the publication of this notice in the *Gazette*.

(2) All interested parties must present their views in writing and submit questionnaire response within 30 days of the date of publication of this notice if such views and submissions are to be taken into consideration during the review, unless otherwise specified.

### **Written submissions, questionnaires responses and correspondences**

9. All submissions and requests must be made in writing and must indicate the name, address, e-mail address, telephone and facsimile numbers of the interested parties to—

Director  
Trade Practices Section  
Ministry of International Trade and Industry (MITI)  
Level 14, Block 8, Government Offices Complex  
Jalan Duta  
50622 Kuala Lumpur  
MALAYSIA

Telephone Number: (603) 6200 0453/124

Facsimile Number: (603) 6201 6394

E-mail: [alltps@miti.gov.my](mailto:alltps@miti.gov.my)

If the interested parties do not provide the necessary information or the information and views are not received in adequate form within the specified time limit, the Government may make its preliminary or final determination on the basis of the facts available in accordance with section 41 of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993.

Dated 20 June 2014  
[MITI:ID/(S)/AP/AD/045/27-AR;PN(PU2)529/XV]

DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
*Minister of International Trade and Industry*